



**“SEPULUH WASIAT ALLAH DALAM AL-QURAN”.1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ...ذَالِكُمْ وَصَّيْتُكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١٥١﴾</p>	<p>2</p>
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	<p>3</p>
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٦٤﴾</p>	<p>4</p>
<p>Saya berpesan buat diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan meningkatkan keiltizaman di atas jalan-Nya, mudah-mudahan sentiasa berada pada jalan yang lurus dengan melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya.</p>	<p>5</p>
<p>Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk <b>“SEPULUH WASIAT ALLAH DALAM AL QURAN”</b>.</p>	<p>6</p>
<p>Firman Allah SWT dalam Surah al-An’am ayat 151-153 mengandungi sepuluh wasiat Allah yang wajib kita patuhi dan menjadi kandungan utama khutbah pada kali ini.</p> <p>Wasiat pertama :</p> <p>قُلْ تَعَالَوْا أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبِّيَ عَلَيْكُمْ أَلَّا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا</p> <p>“Katakanlah: Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah sesuatu pun...”</p>	<p>7</p>



<p>Jangan mensyirik atau menyekutukan Allah. Syirik atau menyekutukan Allah dengan sesuatu adalah perkara yang paling berbahaya, sekaligus mencakupi segala kejahatan, bahkan kejahatan yang teratas yang tidak diampunkan Allah.</p>	8
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 116 yang bermaksud:</p> <p><i>“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa orang yang mempersekutukan-Nya dengan sesuatu (apa jua) dan akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan (syirik) itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut peraturan hukum-hukum-Nya); dan sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu (apa jua), maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh.”</i></p>	9
<p>Syirik ada dua : iaitu syirik nyata dan syirik tersembunyi. Syirik nyata ialah apa juga bentuk ibadah dan sembahkan selain Allah dan syirik tersembunyi ialah riak iaitu beramal untuk menunjuk-nunjuk kepada manusia.</p> <p>Wasiat kedua:</p> <p style="text-align: center;"><b>وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا</b></p> <p><i>“...dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa...”</i></p>	10
<p>Dalam surah yang lain melalui surah Al-Isra ayat 24 Allah SWT berfirman:</p> <p style="text-align: center;"><b>وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي</b></p> <p style="text-align: right;"><b>صَغِيرًا</b></p>	11



<p><i>“Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidiku semasa kecil.”</i></p>	12
<p>Terlalu banyak celaan orang yang derhaka kepada ibubapa, antaranya tidak masuk syurga orang yang derhaka kepada ibubapanya.</p> <p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,</b></p>	13
<p>Wasiat ketiga:</p> <p style="text-align: center;"><b>وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ مِمَّنْ إِمْلَقِ نَحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ</b></p> <p><i>“Dan janganlah kamu membunuh anak kamu kerana takutkan kelaparan. Kami yang memberi rezeki kepada mu dan anakmu..”</i></p>	14
<p>Allah SWT melarang mengubur hidup-hidup anak perempuan dan membunuh anak lelaki kerana takut miskin atau melarat, Allah memberi rezeki kepada ibubapa dan anak yang bakal lahir. Dari itu jangan takut miskin yang hanya sangkaan, dan jangan pula takut melarat pada masa hadapan. Tanggungjawab kita berusaha dan mendidik dengan baik anak-anak kita agar mematuhi ajaran agama yang benar serta berakhlak mulia.</p>	15



<p>Wasiat keempat:</p> <p style="text-align: center;">وَلَا تَقْرَبُوا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ<sup>ط</sup></p> <p><i>“..dan janganlah kamu hampiri kejahatan-kejahatan (zina) yang terang daripadanya dan yang tersembunyi..”</i></p>	16
<p>laitu setiap perbuatan dosa besar, kejahatan dan keburukannya, sama ada perkataan atau perbuatan. Begitu juga kemungkaran yang dilakukan dengan sembunyi-sembunyi dan tertutup. Pada masa jahiliyyah, mereka melihat zina secara sembunyi tidak salah, yang terang-terangan baru dianggap buruk. Samalah seperti perbuatan zina sekarang, ia dianggap salah kalau tiada keredaan kedua belah pihak.</p>	17
<p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati,</b></p> <p>Wasiat yang kelima:</p> <p style="text-align: center;">وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ<sup>ق</sup></p> <p><i>“..dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh Syarak)..”</i></p>	18
<p>Allah melarang membunuh manusia tanpa alasan yang benar. Samalah seperti apa yang berlaku sekarang ini, pembunuhan bayi tanpa ada perasaan kasihan dan lain-lain pembunuhan yang dilakukan dengan kejam.</p> <p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati</b></p>	19



Wasiat keenam:

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ<sup>ج</sup>

20

“Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga dia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri)..”

Wasiat keenam ini ialah perintah menjaga harta anak yatim dengan baik. Berdosa besar sekiranya harta anak yatim itu tidak diurus dengan betul dan mengambilnya tanpa alasan yang benar.

Wasiat ketujuh:

وَأَوْفُوا الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ<sup>ط</sup> لَا نُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا<sup>ص</sup>

“...dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil. Kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajiban melainkan sekadar kesanggupannya...”

Wasiat dan perintah ini berkaitan menepati timbangan dan ukuran dengan adil. Allah mencela orang yang menipu dalam timbangan dan ukuran. Iaitu orang yang bila menimbang untuk orang ia kurangi, dan apabila menerima timbangan dan ukuran, mereka minta penuh.



<p>Amaran Allah melalui firman-Nya dalam surah Al-Mutaffifin ayat 1-3 yang bermaksud:</p> <p><i>“kecelakaan besar bagi orang-orang yang menipu (dalam timbangan dan sukatan) iaitu mereka yang jika mereka menerima timbangan dari orang lain, mereka minta dipenuhi. Dan sebaliknya apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi.”</i></p> <p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	
<p>Wasiat kelapan:</p> <p style="text-align: center;">وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۗ</p> <p><i>“..dan apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa membuat apa-apa keterangan) maka hendaklah kamu berlaku adil, sekalipun orang itu ada hubungan kerabat (dengan kamu)..”</i></p>	
<p>Sebagai contoh adil dalam memberikan kesaksian, komen, like, share dan subscribe sesuatu mestilah dengan neraca keadilan. Berdosa besar atas orang yang berbuat zalim kepada sesama manusia walaupun melibatkan kaum kerabat sendiri</p>	
<p>sebagaimana hadis daripada Abdullah bin Umar Radiallahu’anhuma bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">مَنْ أَخَذَ مِنَ الْأَرْضِ شَيْئًا بِغَيْرِ حَقِّهِ خُسِفَ لَهُ بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِلَى سَبْعِ أَرْضِينَ</p>	



<p>“Sesiapa yang mengambil tanah (meskipun) sedikit tanpa haknya maka dia akan ditenggelamkan dengan tanahnya pada hari kiamat sampai ke dasar tujuh lapis bumi.”</p> <p>(Riwayat al- Bukhari).</p>	
<p>Wasiat kesembilan:</p> <p>وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا</p> <p>“..dan perjanjian (perintah-perintah) Allah hendaklah kamu sempurnakan..”</p>	
<p>Umat Islam wajib menepati janji yang berkaitan dengan syariat Allah, setiap apa yang dihalalkan, diharamkan, diwajibkan dan apa yang ditentukan hukumnya dalam Al-Quran.</p>	
<p>Wasiat kesepuluh ialah mengikuti Al-Quran.</p> <p>وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ</p> <p>“Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutinya.”</p>	



### Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita sama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan untuk dijadikan pedoman dalam hidup ini seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah mematuhi segala yang diperintahkan dan meninggalkan segala yang dilarang.
2. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa setiap kebaikan akan dibalas dengan syurga dan setiap kejahatan pula akan dibalas neraka.
3. Umat Islam hendaklah kekal istiqamah dengan agama Islam dan tidak terpengaruh dengan ajaran sesat dan syirik.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ  
بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ذَٰلِكُمْ وَصَّيْتُكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

*“Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (Agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah, dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertakwa.”*

*(Surah al-An'am: 153).*





بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	22
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ	23



## KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.</p>	5
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin dengan sentiasa mematuhi SOP dan ambillah pengajaran atas apa yang berlaku, berhati-hati dan beringatlah selalu walau kita diberi sedikit kebebasan untuk bergerak. Ini kerana Negara masih memerangi wabak Covid-19 ini demi keselamatan diri kita serta masyarakat keseluruhannya.</p>	7
<p>Bagi yang terkesan dengan wabak ini, janganlah mengambil jalan mudah dengan memudar dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.</p>	8



Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :	9
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	10
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	11
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	12
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	13
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،	14
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	15



<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُوَلِّيَ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكُّوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	16
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	17
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	18
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu</p>	19
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	20
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	21



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾</p>	22
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	23
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	24